

## Cerpen sebagai Wadah Komunikasi Emosi dan Spiritual: Tinjauan terhadap Penulisan Kreatif Remaja

MAIZATUL HAIZAN MAHBOB

MAWAR SAFEI\*

SUZANA MOHD. HOESNI

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Kajian ini meneliti bagaimana remaja menerapkan kecerdasan emosi dan spiritual menerusi penulisan kreatif seperti cerpen. Genre cerpen dilihat sebagai wadah komunikasi untuk proses regulasi emosi mereka. Sebelum proses penulisan, para remaja telah diperkenalkan dengan kedua-dua konsep psikologi ini melalui bengkel yang bertujuan meningkatkan kesedaran mereka terhadap pemerihalan emosi dalaman dan refleksi spiritual. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana konsep-konsep ini dihayati dan dizahirkan dalam karya kreatif, khususnya dalam pembangunan tema, pembentukan watak, penyelesaian konflik, dan pengungkapan perlambangan tertentu. Regulasi emosi dapat dilihat menerusi cara penulis muda membina lengkung emosi bagi watak, menggambarkan pertumbuhan, ketahanan, dan dinamika hubungan. Kecerdasan spiritual pula dizahirkan melalui penyertaan nilai, dilema moral, dan persoalan eksistensial yang memperkayakan naratif dengan dimensi reflektif dan etika. Analisis terhadap cerpen yang dihasilkan menunjukkan bahawa peserta dapat mengintegrasikan konsep-konsep abstrak ini ke dalam penceritaan mereka dengan cara yang bermakna, menjadikan karya mereka bukan sahaja sebagai saluran kreatif tetapi juga alat komunikasi untuk mengekspresikan pengalaman dalaman dan kefahaman moral. Ini menunjukkan bahawa apabila remaja diberi rangka kerja konseptual berdasarkan literasi emosi dan spiritual, mereka dapat menyalurkannya secara berkesan dalam karya kreatif seperti cerpen. Melihat regulasi emosi dan kecerdasan spiritual sebagai strategi komunikasi dalam penulisan kreatif, kajian ini menyoroti potensi pendidikan kesusasteraan dalam mendukung perkembangan remaja, mendorong introspeksi, dan memupuk komunikasi berempati. Dapatkan ini relevan untuk pendidik, mentor belia, dan sarjana komunikasi yang berminat terhadap naratif sebagai medium ekspresi peribadi dan sosial.

**Kata kunci:** Cerpen, kecerdasan spiritual, kesusasteraan Melayu, komunikasi, regulasi emosi.

## Short Stories as a Medium of Emotional and Spiritual Communication: A Review of Youth Creative Writing

### ABSTRACT

This study explores how adolescents infuse emotional and spiritual intelligence into their creative short stories, through creative writing. The short story genre is viewed as a communicative platform for the process of emotional regulation. Prior to the writing process, the adolescents were introduced to both psychological concepts through a workshop designed to enhance their awareness of inner emotional states and spiritual reflection. The aim of the study is to explore how these concepts are internalised and manifested in their creative works, especially in theme development, character construction, conflict resolution, and the use of symbolic expression. Emotional intelligence appears when characters navigate personal growth, resilience, and relational dynamics—reflecting the adolescents'

\*Penulis koresponding: [mawar.safei@ukm.edu.my](mailto:mawar.safei@ukm.edu.my)

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4102-09>

Diterima: 19 Mei 2025 | Diperakuan: 20 Mei 2025 | Diterbitkan: 30 Jun 2025

own experiences in managing and expressing emotion. Spiritual intelligence surfaces in the presence of values, moral dilemmas, existential questioning, and symbolic layers that enrich the narrative with ethical depth. Our analysis shows that when guided by structured emotional and spiritual frameworks, young writers can seamlessly weave these elements into storytelling. Their work becomes more than imaginative expression—it becomes a vehicle for communicating rich emotional experiences and moral introspection. These findings suggest that when adolescents are provided with a conceptual framework grounded in emotional and spiritual literacy, they are capable of channeling it effectively into creative forms such as short stories. By framing emotional regulation and spiritual insight as narrative tools, this study highlights the power of creative writing in fostering adolescent self-understanding, empathy, and authentic expression. These findings carry clear implications for educators, mentors, and communication scholars: literary education can be a transformative space for personal growth and social awareness.

**Keywords:** *Short story, spiritual intelligence, Malay literature, communication, emotion regulation.*

#### PENGENALAN

Penulisan kreatif rata-rata merupakan medium yang penting untuk ekspresi diri, terutama bagi remaja yang sedang dalam proses pembentukan identiti. Salah satu genre sastera popular dalam kalangan golongan muda adalah cerpen. Wadah untuk mereka mencerahkan emosi, pemikiran, dan pandangan dunia. Dalam konteks perbincangan ini, regulasi emosi dan kecerdasan spiritual muncul sebagai konsep penting yang dapat membantu remaja memahami dan mengekspresikan perasaan mereka dengan cara yang lebih terkawal dan bermakna. Regulasi emosi membolehkan individu menguruskan emosi mereka dengan baik, manakala kecerdasan spiritual membantu mereka menumbuhkan nilai dan pandangan hidup dengan lebih mendalam (Mawar, 2024).

Kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana remaja, setelah diperkenalkan dengan konsep regulasi emosi dan kecerdasan spiritual, dapat menggunakan kedua-dua konsep ini dalam penulisan cerpen mereka. Menerusi bengkel penulisan kreatif yang dianjurkan, peserta diberi pemahaman tentang bagaimana emosi boleh dikawal dan nilai spiritual dapat diterapkan dalam karya kreatif yang dihasilkan. Melalui pengisian bengkel juga, peserta yang terdiri daripada mahasiswa, dibimbing untuk memahami bagaimana konsep-konsep ini diterjemahkan ke dalam karya kreatif, khususnya dalam pembangunan watak dan konflik. Karya kreatif seperti cerpen dapat menjadi ruang komunikasi bukan sahaja untuk menyampaikan cerita, tetapi juga untuk menyampaikan pemikiran, nilai, dan proses introspeksi. Kertas ini membahaskan bagaimana keupayaan remaja untuk memahami kehidupan dan mengurus sebarang pertelingkahan, diperlihatkan dalam karya sastera. Cerminan batin mereka dapat ditinjau menerusi estetika karya sastera. Jalinan emosi watak dapat diperhalusi lewat penggembangan plot naratif dan sisi kebahasaan juga.

Paduan regulasi emosi dan kecerdasan spiritual, membuka peluang kepada remaja berbahagi fikiran dan tanggapan mereka secara kreatif dan positif dengan khalayak pembaca. Ia secara tidak langsung dapat memupuk kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal dalam kalangan mahasiswa. Kajian ini juga bertujuan untuk memberikan cadangan kepada pendidik dan mentor dalam bidang penulisan kreatif bagi menyokong perkembangan literasi emosi dan spiritual dalam kalangan remaja.

Tulisan ini menumpukan perhatian terhadap lima cerpen yang dihasilkan remaja yang terdiri daripada mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kelima-lima cerpen ini diterbitkan majalah *Dewan Siswa*, merupakan majalah dengan tumpuannya terhadap remaja sepertimana slogan, "Wadah Ilmu

Remaja” dan telah menjadi “Majalah dalam kelas sejak tahun 1988.” Kumpulan mahasiswa ini merupakan peserta bengkel penulisan yang dianjurkan Kumpulan Penyelidikan Geran Kecil Penyelidikan (GKP) yang dibiayai FSSK, UKM. Seramai tiga belas (13) orang mahasiswa menyertai bengkel penulisan tersebut dengan bimbingan penulis cerpen yang berpengalaman, iaitu Salina Ibrahim, penerima Hadiah Sastera Negeri Perak Darul Ridzuan. Menerusi sesi bimbingan selama dua hari, Salina Ibrahim memberikan beberapa panduan untuk membangunkan watak-watak dengan gandingan personaliti positif ketika menghadapi kekangan khasnya yang terhubung dengan emosi dalam membuat keputusan. Apa yang cuba ditinjau ialah bagaimana tanggapan para remaja ini akan perihal pengurusan emosi yang akhirnya menumbuhkan kecerdasan spiritual mereka. Ia menjadi asas kepada regulasi emosi, lantas membentuk keseimbangan antara perasaan dan ketenangan jiwa watak-watak ciptaan mereka.

#### LATAR BELAKANG KAJIAN

Bacaan awal menumpukan pada artikel “Penulisan Kreatif sebagai Kaedah Regulasi Emosi dan Pembentukan Kecerdasan Spiritual dalam Kalangan Mahasiswa” (2024). Dari sudut pandang psikologi perkembangan, remaja berdepan dengan pelbagai tahap konflik untuk memilih emosi terbaik dalam situasi yang rencam. Anjakan masa dan latar dari tahap kanak-kanak melintasi dewasa, merupakan satu fasa yang luar biasa genting dan sangat memberi dampak terhadap masa hadapannya. Maka fasa ini perlu disokong bukan sahaja sisi sosial, intelektual malah yang lebih utama adalah spiritual. Tulisan ini merungkai peranan intelektual menerusi kegiatan penulisan kreatif untuk membantu remaja (mahasiswa) melakukan regulasi emosi khasnya melalui gubahan cerpen. Pembentukan watak fiktif yang bertindak balas terhadap konflik yang bergerak di atas garis plot cerpen, rata-rata mewakili proses penataan diri saat berdepan dengan permasalahan. Seramai 64 responden terlibat yang terdiri daripada mahasiswa UKM.

Kajian ini menggunakan Model Kecerdasan Emosi oleh Goleman (1998) dan Noriah et al. (2004) bagi membentuk intisari soal selidik. Sebanyak tujuh dimensi kecerdasan emosi dan spiritual dikaji, iaitu kesedaran diri, regulasi atau pengurusan emosi, motivasi diri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan. Hasil kajian menemukan kecerdasan emosi dan spiritual mahasiswa berada pada tahap tinggi. Ia termasuk tahap regulasi emosi mereka. Analisis korelasi mendapat terdapat hubungan positif yang signifikan antara kecerdasan spiritual dengan kecerdasan emosi. Begitu juga kecerdasan spiritual dengan regulasi emosi. Ini bermakna bahawa kecerdasan spiritual mahasiswa boleh mempengaruhi kecerdasan emosi serta regulasi emosi mereka. Implikasinya, adalah penting kecerdasan spiritual dipupuk bagi melahirkan mahasiswa yang mempunyai kecerdasan emosi yang baik. Berikut tahap kecerdasan spiritual dan emosi serta tahap regulasi emosi yang tinggi ini, menarik minat pengkaji untuk mendalami sejauh mana ia mampu membentuk kemahiran dalam penghasilan karya kreatif seperti cerpen. Bagaimana ia dapat mempengaruhi kebolehan mereka menyalurkan emosi yang baik menerusi watak, latar, plot, sudut pandang atau gaya bahasa. Begitu juga ia turut mampu menilai pembikinan konflik dalam narasi sesebuah cerpen. Penelitian ini penting kerana keupayaan menyalurkan emosi yang baik lewat karya kreatif, dikatakan dapat membantu membangunkan emosi positif dan pengalaman penulis sendiri dan khalayak.

Menerusi beberapa kajian lepas didapati kecerdasan emosi meningkatkan keupayaan untuk memahami dan berinteraksi dengan pembentukan emosi watak dalam karya sastera. Pembaca yang mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi dapat memahami dan menghayati watak dengan lebih baik, sekali gus memperkayakan pengalaman pembacaan mereka. Kajian Bal dan Veltkamp (2013) meneroka sejauh mana pembacaan karya kreatif mempengaruhi empati. Ditemukan bahawa melalui aplikasi teori pengangkutan (*transportation theory*), seseorang yang membaca karya kreatif mudah menjadi lebih empatik. Eksperimen mereka mendapati bahawa empati terbangun dalam tempoh satu minggu bagi individu yang membaca karya kreatif, tetapi hanya apabila mereka secara emosi terbawa ke dalam cerita tersebut. Ketidaaan pengangkutan emosi menyebabkan empati yang lebih rendah, manakala tahap pengangkutan emosi yang tinggi membawa kepada empati yang lebih tinggi dalam kalangan pembaca fiksyen. Kesan ini tidak berlaku kepada peserta dalam kumpulan kawalan yang membaca bahan bukan fiksyen. Kajian ini menunjukkan bahawa karya fiksyen boleh mempengaruhi empati pembaca, tetapi hanya apabila terdapat pengangkutan emosi yang rendah atau tinggi ke dalam cerita. Ini bermakna sekiranya sesebuah karya fiksyen tersebut dapat diolah dengan kecerdasan emosi yang baik, maka ia mampu meningkatkan kecerdasan emosi pembacanya. Dapatkan ini turut disokong Tee, E.Y (2024), yang mendapati karya fiksyen mampu meningkatkan keupayaan untuk memahami emosi. Ini menunjukkan pentingnya sesebuah karya menjadi jambatan komunikasi kepada pembentukan kecerdasan emosi para pembaca.

Menurut Inklings (2018), penulisan kreatif merupakan cara yang paling mudah, seronok dan selamat untuk melatih kecerdasan emosi seseorang. Beliau memberikan beberapa panduan untuk membangunkan watak dalam sesebuah cerita. Menurut beliau adalah penting untuk penulis menentukan apakah yang diinginkan pada watak tersebut. Semasa membina setiap babak, perasaan watak harus dipertimbangkan, termasuklah pemikiran dan tindakan watak. Dalam babak demi babak, penulis perlu dilatih memberi perhatian terhadap perincian emosi dengan cara yang jarang dilakukan dalam kehidupan sebenar. Lama-kelamaan, kemahiran ini meresap ke dalam kehidupannya.

Kajian lepas, turut membuktikan bahawa pembaca boleh belajar daripada fiksyen dan mengintegrasikan maklumat daripada dunia rekaan ke dalam pengetahuan dunia sebenar (Gerrig & Rapp, 2004). Membaca fiksyen berupaya mengubah ciri-ciri personaliti (Djikic et al., 2009) dan dikaitkan dengan prestasi yang lebih baik dalam skala empati dan keupayaan sosial (Mar et al., 2006).

Fiore (2023) dalam artikelnya yang bertajuk “Emotional Intelligence: A Key Benefit of Reading”, menjelaskan, membaca karya fiksyen dapat meningkatkan empati dan kecerdasan emosi. Selain kemahiran kefahaman, penulisan, dan pemikiran kritikal yang lebih kuat, membaca membolehkan kanak-kanak menyelami watak, mengenal pasti emosi sendiri dan emosi baharu yang digambarkan dalam cerita, serta memahami bagaimana pelbagai hubungan kompleks boleh berkembang. Tambahan pula, melalui pelbagai pengembaraan yang dibawa oleh cerita, imaginasi dan kreativiti kanak-kanak turut terpacu. Fiore menambah, walaupun kecekapan emosi boleh diperkasa melalui aktiviti membaca pada sebarang peringkat umur, namun dengan mendedahkan kanak-kanak kepada bahan bacaan sejak awal amatlah penting. Amalan membaca bersama keluarga memainkan peranan utama dalam perkembangan kecerdasan emosi kanak-kanak. Menjelang usia empat tahun, kebanyakan kanak-kanak sudah mula menggunakan strategi pengawalan diri untuk mengurus emosi mereka. Menjelang usia lapan tahun, fungsi sosial dan emosi kanak-kanak mula stabil,

yang kemudiannya menjadi petunjuk kepada corak tingkah laku dan kesihatan mental mereka pada masa hadapan.

Mar et al. (2006) mengkaji bagaimana pendedahan kepada fiksyen berbanding bukan fiksyen mempengaruhi keupayaan sosial dan empati. Mereka menemukan bahawa pembaca fiksyen cenderung mempunyai kemahiran sosial dan empati yang lebih tinggi berbanding pembaca bukan fiksyen. Ini menyokong idea bahawa membaca fiksyen dapat meningkatkan kecerdasan emosi dan sosial pembaca. Pendedahan kepada fiksyen berkorelasi positif dengan skor empati dan kemahiran sosial. Pendedahan kepada bukan fiksyen pula menunjukkan korelasi negatif dengan ukuran sosial. Sementara kecenderungan untuk terlibat secara mendalam dalam cerita meramalkan skor empati yang lebih tinggi. Penemuan ini menunjukkan bahawa membaca fiksyen dapat mensimulasikan pengalaman sosial yang memperkuuh empati dan keupayaan sosial pembaca.

Kecerdasan spiritual merujuk kepada keupayaan manusia untuk menghadapi dan menyelesaikan persoalan makna dan nilai hidup, mencari matlamat yang lebih tinggi dalam kehidupan. Ia bertindak dengan integriti dan kebijaksanaan, serta menyatukan aspek rasional, emosi dan spiritual dalam membuat keputusan. Menurut Zohar dan Marshall (2000), kecerdasan spiritual adalah kecerdasan untuk menangani dan menyelesaikan masalah makna dan nilai hidup, yang menjadikan seseorang mampu bertindak berasaskan prinsip, etika, dan kesedaran dalaman yang tinggi. Kecerdasan spiritual juga membolehkan seseorang berupaya untuk mentransformasikan kesakitan menjadi pertumbuhan, mampu untuk bertindak dengan belas kasihan dan keadilan serta berupaya mengintegrasikan kepercayaan dengan tindakan.

Dalam konteks komunikasi, kecerdasan spiritual menggalakkan komunikasi yang reflektif dan beretika, berbanding hanya menyampaikan maklumat. Kecerdasan spiritual turut membantu mengurus emosi dengan menyediakan kerangka makna kepada perasaan yang kompleks. Ia turut menyokong kecerdasan emosi dengan memupuk rasa empati, belas kasihan dan sabar. Dalam konteks penulisan cerpen atau karya kreatif, penulis yang memiliki kecerdasan spiritual yang tinggi, cenderung menulis dengan makna yang halus, menampilkan perwatakan yang berunsur kerohanian. Pembaca pula boleh mengalami pencerahan, kesedaran diri dan refleksi melalui naratif tersebut. Justeru kecerdasan spiritual menjadikan karya sastera seperti cerpen dapat diterima sebagai wadah komunikasi transformatif, iaitu dari pengalaman peribadi hingga ke pemahaman sejagat (Zohar, D. & Marshall, I. 2000; Vaughan, F. 2002).

Artikel bertajuk “Pembelajaran Menulis Cerpen dengan Emotional Spiritual Therapy (EST) Berbasis TPACK” oleh Nugraha, V. dan Sahmini,M. (2021) membahas integrasi EST dalam pembelajaran menulis cerpen dengan kerangka Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK). Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif dengan menerapkan EST dalam pembelajaran menulis cerpen. EST merupakan terapi yang menggabungkan teknik psikologi dan spiritual untuk membantu individu mengatasi pelbagai permasalahan emosional dan meningkatkan kesejahteraan spiritual. Hasil kajian menunjukkan penerapan EST dalam pembelajaran menulis cerpen, meningkatkan imaginasi dan kreativiti mahasiswa dalam menulis cerpen, membantu mahasiswa mengelola emosi negatif, seperti stres dan trauma, yang dapat menghambat proses kreatif serta meningkatkan kesedaran spiritual yang tercermin dalam karya cerpen mereka. Hal ini sekaligus berimpak holistik dengan tidak hanya fokus pada keterampilan teknik menulis, tetapi juga mampu mengembangkan kecerdasan emosi dan spiritual mahasiswa. Justeru ia sejalan dengan tujuan pendidikan untuk membentuk individu yang beriman, bertakwa, dan berakhhlak mulia.

Artikel “Kecerdasan Spiritual dalam Novel *Alif*, karya Taufiqurrahman Al-Azizy” oleh Umrati et al. (2011), menyorot kecerdasan spiritual (nilai moral dan ibadah) watak utama dan pembantu dalam novel tersebut yang meliputi solat, berdoa, bersyukur dan tolong-menolong. Penulisan ini menyarankan agar novel yang bersifat kecerdasan spiritual seperti ini dapat dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa dan sastera di sekolah. Melaluiinya, pelajar dapat mengetahui dan memahami watak yang baik, membentuk peribadi yang lebih bijaksana serta mengembangkan kecerdasan spiritual untuk menghadapi kehidupan sehari-hari. Pengkaji menekankan penggunaan karya sastera seperti novel *Alif* dalam pendidikan dapat memberikan dampak positif terhadap perkembangan psikologi dan spiritual pelajar.

Sementara itu dalam perihal komunikasi dengan kesusasteraan, tulisan ini merujuk kajian Siti Dahlia et al. (2020). Komunikasi manusia Melayu dengan alam sangat akrab dan ia sering menjadi ilham dalam pengkaryaan. Ilham itu juga membentuk satu jaringan komunikasi yang tersendiri antara penulis dengan pembaca. Masyarakat Melayu termasuk masyarakat Mandailing memiliki bentuk komunikasi yang tersendiri berkait dengan alam sekitar khasnya pepohonan dan tumpuan terhadap jenis daun. *Hata bulung-bulung* atau bahasa daun-daunan digunakan mereka untuk tujuan komunikasi soal emosi yang ada hubungan dengan bunyi nama daun yang digunakan. Kajian ini meninjau hasil karya sastera Melayu yang berkait dengan bentuk “komunikasi daun” dengan memanfaatkan kerangka intertekstualiti. Dasar fahaman intertekstualiti yang digagaskan awal oleh Mikhail Mikhailovich Bakhtin dan Julia Kristeva adalah komunikasi antara teks. Beberapa prinsip intertekstualiti seperti ekspansi, transformasi dan parallel, dipertimbangkan dalam melihat dua karya sastera Melayu yang memanfaatkan komunikasi daun seperti dalam cerpen “Tamsil Daun” (2012) oleh Mawar Safei dan novel *Daun* (2008) oleh Malim Ghazali Pk. Cerpen “Tamsil Daun” mengajukan bentuk komunikasi daun sebagai pernyataan makna kepatuhan dalam permasalahan penutupan aurat. Sementara novel *Daun* memaparkan pertelingkahan sahsiah dan sosial yang kemudiannya sangat berkait dengan jiwa manusia Melayu yang peka dengan perubahan persekitarannya. Jelas kedua-dua pengarang menerapkan bentuk komunikasi daun sebagai pengucapan pemikiran mereka dalam karya yang dihasilkan kerana ia mempunyai gandingan komunikasi manusia dengan alam.

Penulisan Mohd et al. (2023) tentang “Adab Berkomunikasi Secara Berkesan dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan”, meneliti elemen adab dalam komunikasi yang dipaparkan dalam cerpen kanak-kanak. Kajian mendapati bahawa cerpen bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan tetapi juga sebagai alat pendidikan nilai dan pengasuhan adab dalam komunikasi. Dalam konteks kecerdasan emosi dan spiritual, kajian ini menyokong bahawa cerpen mempunyai potensi untuk menyemai pemahaman mendalam terhadap emosi dan nilai moral. Watak-watak dalam cerpen sering digambarkan mengurus konflik emosi dengan pendekatan yang beretika dan reflektif, memperlihatkan keupayaan naratif untuk menyampaikan mesej spiritual secara halus dan berkesan.

Maliki et al. (2024) menelusuri bagaimana media sosial menjadi platform ekspresi kendiri yang mempengaruhi kesejahteraan mental remaja. Walaupun tidak menumpukan kepada cerpen secara langsung, dapatan ini relevan kerana menunjukkan bahawa bentuk komunikasi, termasuk penulisan di media sosial, boleh menjadi wadah ekspresi emosi yang sihat. Penulisan di media sosial dilihat sebagai saluran alternatif bagi remaja menyalurkan keimbangan, keresahan, dan harapan mereka, sekaligus memperkuuh kemahiran regulasi emosi serta membina kekuatan spiritual menerusi naratif.

Berdasarkan kajian lepas dan hujah yang dibentangkan, dapat disimpulkan bahawa penulisan kreatif khususnya cerpen, berfungsi bukan sahaja sebagai wadah artistik tetapi juga sebagai ruang komunikasi emosi dan spiritual yang berkesan antara penulis dengan pembaca.

### METODOLOGI

Dalam mengkaji bagaimana kecerdasan spiritual menjadi asas kepada regulasi emosi, lantas membentuk keseimbangan antara perasaan dan ketenangan jiwa watak-watak yang dibangunkan dalam cerpen yang dihasilkan oleh mahasiswa, satu bengkel penulisan cerpen telah diadakan. Mahasiswa mengikuti bengkel tersebut selama dua hari dengan dibimbing oleh penulis Salina Ibrahim. Dalam bengkel ini, mahasiswa diberikan panduan untuk membangunkan watak-watak dengan gandingan personaliti positif ketika menghadapi kekangan khususnya yang berhubung dengan emosi. Melalui bimbingan tersebut, mahasiswa akan menghasilkan cerpen dengan pembangunan watak dan plot cerita seperti mana yang digariskan dalam objektif kajian. Bagi tujuan tersebut, hanya cerpen yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan dijadikan sebagai unit analisis kajian. Sebanyak lima cerpen mahasiswa yang mengikuti bengkel diterbitkan dalam *Dewan Siswa* (2024, Dewan Bahasa dan Pustaka). Cerpen tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1: Lima cerpen kajian

Tajuk Cerpen	Penulis	Sumber
Nusa Selandia Baru	Muhd Aiman Othman	Dewan Siswa Bil 6/2024
Tangisan Burung dari Syurga	Kaisah Nabilah Yusni	Dewan Siswa Bil 7/2024
Bayang-bayang Asrama	Zul Iskandar Mohd Tahir	Dewan Siswa Bil 8/2024
Kelong	Nurnafisa Irdina Zulnizam	Dewan Siswa Bil 9/2024
Inspirasi	Nur Izzati Adha Muhammad Hashim	Dewan Siswa Bil 10/2024

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan/tekstual dalam menganalisis kelima-lima cerpen tersebut. Analisis kandungan merupakan satu kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif yang digunakan untuk mengenal pasti, menganalisis dan membuat inferensi daripada kandungan teks, sama ada secara eksplisit atau implisit. Dalam konteks penulisan kreatif seperti cerpen, analisis kandungan berfungsi untuk mengkaji nilai, persoalan serta ekspresi emosi dan spiritual yang dibawa watak, naratif, dan konflik cerita. Penumpuan kepada kecerdasan emosi, regulasi emosi, dan kecerdasan spiritual memberikan dimensi psikologi dan nilai rohaniah yang mendalam dalam karya sastera remaja (Neuendorf, 2016; Mirjalili, 2024).

Konsep utama yang dibincangkan lewat analisis cerpen remaja tersebut ialah kecerdasan emosi. Konsep ini merujuk kepada keupayaan mengenal, memahami, dan mengurus emosi diri sendiri serta emosi orang lain. Dalam cerpen, ia dapat dikesan melalui reaksi watak terhadap cabaran, konflik, dan interaksi sosial. Konsep kedua ialah regulasi emosi, yang merujuk kepada proses kognitif dan tingkah laku yang digunakan individu untuk mengawal dan menyesuaikan emosi mereka dalam situasi tertentu. Ini dapat dianalisis melalui naratif dalam watak, dialog, dan perlambangan yang dibawa masuk penulis. Manakala konsep ketiga ialah kecerdasan spiritual, yang merangkumi keupayaan untuk memahami makna kehidupan, nilai rohani, serta hubungan dengan sesuatu yang lebih tinggi (Tuhan, nilai moral, atau tujuan hidup). Dalam cerpen, ia tercermin melalui renungan watak, perubahan sikap, dan penyelesaian konflik secara reflektif.

Tulisan ini juga memanfaatkan Model Kecerdasan Emosi Goleman (1995) dan Noriah et al. (2004). Tujuh dimensi kecerdasan emosi dan spiritual dalam mengangkat tema yang melibatkan diri dengan kesedaran diri, regulasi/pengurusan emosi, motivasi diri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan turut dipertimbangkan. Setiap aspek merupakan acuan untuk mengenal pasti tema, watak, konflik dan perlambangan dalam setiap cerpen yang dihasilkan para mahasiswa.

#### HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data daripada analisis kandungan dipersembahkan dalam dua konteks iaitu pertama kandungan cerpen yang merangkumi struktur cerpen, fokus naratif dan analisis. Perkara yang diperhatikan dalam struktur cerpen seperti tema, watak, konflik, dan perlambangan. Konteks kedua pula ialah komunikasi yang terdapat dalam cerpen yang menjadi jambatan antara kecerdasan emosi dengan spiritual.

Jadual 2: Analisis cerpen “Nusa Selandia Baru”

Struktur Cerpen	Fokus Naratif	Analisis Kandungan Cerpen
Tema	Pemeliharaan warisan.	Kecerdasan emosi terkesan dalam reaksi watak-watak terhadap memelihara warisan seperti budaya tarian Maori dan alam sekitar.
Watak	Ronnie, Mamat, Fara, Salmah.  Andrea, Kahurangi.	Mahasiswa Malaysia yang mempunyai semangat mengembara. Kecerdasan emosi untuk bersahabat dengan kenalan baru mereka di New Zealand.
Konflik	Kepupusan spesies haiwan akibat penjajahan.	Kedua-duanya merupakan pemandu pelancong di New Zealand yang mempunyai kematangan untuk memperkenalkan negara dan kebudayaan mereka.
Perlambangan	Unggas kakapo.	Perhatian tinggi dan kesedaran terhadap warisan. Ada rasa ihsan bahawa setiap warganegara berperanan untuk menjaga kehormatan wilayah masing-masing.
		Kepupusan kakapo adalah analogi terhadap lunturnya warisan bangsa dan ia menjadi perhatian penulis untuk mempunyai rasa bertanggungjawab dan daya tahan.

Cerpen Muhd Aiman Othman berjudul “Nusa Selandia Baru” membawakan latar sekumpulan mahasiswa yang mengambil pakej pelancongan ke Auckland dan Christchurch, New Zealand sempena cuti semester. Semangat anak-anak muda untuk mengembara sangat disarankan. Ia bukan sahaja untuk tujuan meluaskan pandangan dan pengalaman. Menurut ajaran Islam, mengembara itu sangat dituntut untuk beberapa tujuan. Misalnya seperti yang dinyatakan dalam surah Ar-Rum:42,

فُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَدِيقَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَانَ أَكْثَرُهُمْ مُسْرِكِينَ

Maksudnya: Katakanlah: Mengembaralah kamu di muka bumi kemudian lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang telah lalu (yang telah dibinasakan); kebanyakan mereka adalah orang-orang musyrik.

Firman Allah ini menawarkan kecerdasan kepada jiwa manusia yang terkait terus hubungan dengan Allah, bahawa mengembara adalah untuk mendapatkan *ibrah* atau pengajaran daripada sejarah umat terdahulu. Ia merupakan bentuk pembelajaran visual dan pengalaman yang memberi kesan mendalam ketimbang sekadar membaca dari buku atau mendengar dari sumber orang lain. Dalam konteks ayat ini, al-Quran mengajak manusia merenung nasib kaum yang ingkar kepada ajaran Allah, seperti kaum 'Ad atau Thamud. Kebanyakan mereka adalah musyrik dan akhirnya dibinaskan. Ini memberi peringatan agar tidak diulangi kesilapan yang sama. Ronnie dan teman-temannya ternyata bukan hanya mengikuti sesi pembelajaran di dewan kuliah tetapi turut belajar di sepanjang pengembalaan di New Zealand.

Perkenalan dengan Andrea dan Kahurangi, pemandu pelancong di perkampungan Maori, melanjutkan komunikasi interpersonal dan intrapersonal antara mereka tentang tradisi. Penulis cuba mengajukan bentuk kecerdasan emosi menerusi persefahaman antara dua bangsa, iaitu Malaysia dan New Zealand atau yang dinamakan sebagai "Nusa Selandia Baru" dalam cerpen ini. Kesalingan dalam memahami budaya dan warisan ini sangat signifikan diangkat penulis. Generasi muda harus selalu disedarkan dengan sejarah dan warisan bangsa bagi tujuan harga diri. Misalnya apa yang berlaku di Rotorua, tapak kebudayaan Maori yang sudah berkembang sejak 1000 tahun lalu, masih dipelihara. Antara yang diketahui umum menerusi tarian Haka, dan ini disebut ketika Ronnie dan teman-temannya tiba di Auckland. Penulis membawa masuk nada "Kami di Malaysia juga berasa nasib yang sama. Nenek moyang kami perlu berjuang menentang kerakusan mereka untuk mempertahankan tanah air".

Secara tersirat, ada kesedaran dalam diri penulis untuk meneladani apa yang berlaku di Selandia Baru. *Pakeha* atau penjajah di New Zealand, menyerupai apa yang pernah berlaku di Tanah Melayu dengan penaklukan Portugis, Belanda dan Inggeris. ia memperlihatkan bagaimana komunikasi verbal digunakan untuk menyuarakan empati dan perkongsian sejarah. Ini menjadikan komunikasi verbal dan bukan verbal dalam cerpen ini sebagai medium utama menyampaikan pengetahuan, pengalaman dan perasaan watak.

Penulis menyisipkan wacana tentang alam sekitar semasa watak-wataknya berbicara perihal penjajahan. Apa yang terjadi bukan sahaja dalam bentuk penguasaan politik tetapi turut memusnahkan ekosistem negara. Kecerdasan emosi yang diperlihatkan penulis adalah terhadap isu kepupusan spesies haiwan seperti dialog Kahurangi,

"Di kawasan ini, terdapat banyak spesies haiwan endemik yang habitat asalnya di sini. Antaranya termasuklah burung kiwi, kea, toroa, dan korimako. Namun begitu, kesemua spesies burung tersebut diancam kepupusan disebabkan oleh kekurangan habitat dan aktiviti pemburuan pada masa lalu."

Konflik ini berlanjutan apabila mereka tiba di Christchurch di pulau selatan New Zealand. Burung kakapo, juga antara spesies yang semakin hilang. Pengetahuan Ronnie tentang budaya dan bahasa Maori, begitu juga tentang isu alam sekitar yang berlaku di New Zealand, disedari teman-temannya. Komunikasi interpersonal mahupun intrapersonal, memperkayakan penceritaan dan memperlihatkan kepelbagaiannya hubungan antara watak dengan persekitaran mereka. Pendirian Ronnie adalah harus bersedia dengan sebanyak mungkin maklumat tentang tempat yang muhun dikunjungi. Ia merupakan salah satu pengurusan emosi yang positif. Persediaan untuk kembara bukan saja dengan bekalan stamina, kewangan tetapi juga pengetahuan sebagai salah satu kaedah pembelajaran.

Jadual 3: Analisis cerpen “Tangisan Burung dari Syurga”

Struktur Cerpen	Fokus Naratif	Analisis Kandungan Cerpen
Tema	Pengorbanan.	Kecerdasan emosi terhadap tanggungjawab memelihara ibu yang sakit.
Watak	Nalar, Kartika.  Pemburu haram burung cenderawasih.	Komunikasi verbal dan bukan verbal antara dua beradik, merawat ibu yang sakit.  Komunikasi verbal dengan pemburu haram dan ada komunikasi unik dengan burung cenderawasih; hubungan manusia-haiwan.
Konflik	Mendapatkan air mata cenderawasih.  Mendapatkan air mata cenderawasih.  Berhadapan dengan pemburu haram cenderawasih.	Kecerdasan spiritual, pengorbanan anak untuk kesejahteraan ibu.  Penulis menggembungkan kaedah mengurus emosi dengan kreativiti yang menarik.  Ia membawa lambang kasih yang tulus.
Perlambangan	Cenderawasih	Kecerdasan emosi yang kuat diperagakan dengan memilih “cenderawasih” dan bukan jenis unggas lain.

Cerpen Kaisah Nabilah Yusni, “Tangisan Burung dari Syurga” menampilkan plot yang bermula dengan latar dua beradik, Nalar dan Kartika, sedang merawat ibu mereka yang terbaring sakit. Pertelingkahan atau konflik dalam kerangka komunikasi interpersonal dua bersaudara itu adalah apabila mereka cuba mencari penawar kesakitan ibu dengan mendapatkan air mata burung cenderawasih. Di titik ini pemilihan “cenderawasih” dan bukan jenis unggas lain, menepati lambang kasih antara ibu dengan anak cuba ditampilkan penulis. Burung cenderawasih melambangkan keajaiban, pengorbanan, dan kesucian alam. Ia juga menjadi simbol harapan dan penyembuhan. Hubungan antara ibu dan anak merupakan bentuk komunikasi verbal dan bukan verbal kudus yang berakar daripada naluri semula jadi serta kasih sayang tulus yang dianugerahkan Tuhan. Ia bermula sejak dalam kandungan dan berkembang melalui interaksi yang bukan sahaja fizikal, tetapi juga emosi dan spiritual. Komunikasi ini melampaui kata-kata, menjadi medium penyampaian cinta, pengorbanan, dan perlindungan yang tidak terhingga, menjadikannya salah satu bentuk hubungan manusia yang paling murni dan bermakna.

Lanjutan daripada itu kecerdasan spiritual diajukan menerusi kedudukan bahawa Islam merupakan agama yang sangat mengutamakan amalan berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Kebajikan *birr al-walidayn* (berbuat baik kepada kedua ibu bapa) merupakan antara ibadah yang paling utama selepas tauhid atau kepercayaan kepada keesaan Allah S.W.T. Merujuk firman Allah S.W.T (al Nisa: 36),

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Maksudnya: *Dan bertauhid kamu kepada Allah dan jangan sesekali kamu mensyirukkan Allah dengan sesuatu pun. Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibubapa.*

Kaisah Nabilah Yusni secara terperinci mendekati jurus spiritual dalam cerpennya dengan meletakkan susuk “ibu” ketimbang ayah. Ia selaras pula dengan hadis Rasulullah Riwayat Muslim (2548) yang melebihkan kedudukan ibu, yang diriwayatkan Abu Hurairah R.A ketika seorang lelaki merujuk kepada Rasulullah S.A.W tentang manusia yang paling berhak diperbuat baik terhadapnya. Jawapan Rasulullah S.A.W adalah,

أَمْكُنْ ثُمَّ أَمْكُنْ ثُمَّ أَبُوكِ

Maksudnya: *Ibu kamu (adalah manusia yang paling berhak untuk kamu berbuat baik kepadanya), kemudian ibu kamu, kemudian ibu kamu, kemudian bapa kamu.*

Di satu pihak lain, membahaskan kecerdasan emosi dua watak ini menemukan kita dengan latar tragis cenderawasih menjadi mangsa pemburuan manusia yang haloba, iaitu sebagai bahan dagangan tidak sah. Penulis mengheret masuk persoalan lain, iaitu isu pelestarian sekitaran. Menarik juga apabila ada konflik lain yang dibangunkan dalam kembala Nalar dan tidak hanya tertumpu terhadap kisah penderitaan ibu. Pembaca mula mengenali watak pemburu ratusan ekor burung cenderawasih yang juga mengetahui tentang rahsia airmata “burung syurga” itu. Dinyatakan bahawa airmata cenderawasih pada saat kesakitan kematianya akan terhimpun sebagai sebutir geliga penuh kesaktian yang dapat menyembuhkan segala penyakit.

Kaisah Nabilah Yusni menarik perhatian pembaca untuk memahami erti kehalobaan yang dilihat pada pemburu haram burung cenderawasih. Penulis menawarkan ruang komunikasi membawa masuk teknik dalam penulisan kreatif, iaitu *deus-ex-machina*. Sang Garuda didatangkan bagi menggempur Pemburu dan langsung membebaskan semua cenderawasih yang terperangkap. Pemburu dibawa Garuda kepada Sultan untuk dihukum atas perbuatannya. Sang Garuda melambangkan keadilan, kekuatan, dan pembela kebenaran. Ia turun dari langit untuk menghukum kezaliman dan membebaskan yang tertindas, menjelma sebagai kuasa moral dalam cerita. Teknik tiba-tiba begini ada kalanya dianggap lemah dalam sesebuah penulisan kreatif, kerana memberikan jalan mudah sebagai penyelesaian. Namun kehadiran kerabat unggas ini bersama-sama sekumpulan cenderawasih memberikan nada penceritaan yang berimbang. Terdapat juga bentuk komunikasi interpersonal dan intrapersonal bagaimana manusia belajar dari keturunan unggas dalam menjunjung erti persahabatan dan memperjuangkan kesejahteraan untuk semua. Perhatikan dalam cerpen ini, haiwan seperti Garuda dapat menghentikkan darjah kemanusiaan dengan memanggil Pemburu sebagai “manusia dungu.” Tindakan Garuda tersebut sehingga dapat memberi penilaian terhadap kemusnahan alam sekitar negeri yang diduduki Nalar dan keluarga, iaitu Langkapuri.

Di penghujung cerpen, sekali lagi penulis membawakan susuk unggas dalam mengangkat suara kemanusiaan yang sangat komunikatif. Cenderawasih datang ke rumah Nalar bersama-sama anaknya yang baru lahir. Menurut Cenderawasih, airmata anak yang baru menetas lebih ampuh sebagai penawar penyakit manusia ketimbang saat kematian mereka. Ia membawakan simbol harapan dan penyembuhan yang datang bukan daripada kematian, tetapi daripada kelahiran dan kelangsungan kehidupan. Komunikasi verbal antara manusia dengan makhluk mitos burung cenderawasih dan garuda sebelumnya, memberikan dampak fantasi dan mitologi dalam cerpen ini. Ia memberi peluang kepada pembaca untuk memahami emosi dan motivasi watak-watak bukan manusia. Kebahagiaan sebagai penutup cerpen dengan sembahunya ibu Nalar dan Kartika, menyampaikan perutusan dalam bentuk komunikasi interpersonal peranan sang unggas dalam keserasian kehidupan manusia dan juga lingkungannya. Ada nada nyaman dan tenteram dalam cerpen “Tangisan Burung dari Syurga” dengan kreativiti penulis membaur secara lunak kemahiran emosi dan spiritualnya.

Jadual 4: Analisis cerpen “Bayang-bayang Asrama”

Struktur Cerpen	Fokus Naratif	Analisis Kandungan Cerpen
Tema	Perjuangan remaja yang menjadi mangsa buli di sekolah	Emosi tertekan, takut, keliru dan terasing akibat penderaan fizikal dan emosi. Ada dampak spiritual dengan adanya pengharapan dan kekuatan dalaman.
Watak	Kairul.	Kairul sebagai mangsa buli dilanda ketakutan, kemurungan dan rasa tidak berguna. Kemudian bangkit untuk berubah.
	Meshant.	Meshant, guru yang peka terhadap penderitaan pelajar, tidak memandang ringan situasi buli, bertindak dengan empati.
	Daniel.	Daniel, pembuli yang menonjolkan emosi marah, benci, dendam, puas saat menyakiti, kecewa selepas dihukum
Konflik	Kairul mengalami trauma.	Emosi rendah diri dan keresahan.
Perlambangan	Gelap.	Ketakutan pada mangsa buli.

Cerpen “Bayang-bayang Asrama” gubahan Zul Iskandar Mohd. Tahir mengangkat kisah Kairul, pelajar yang mengalami penderaan emosi dan fizikal oleh rakan sekelasnya, Daniel. Naratif ini bukan sekadar menyorot isu buli yang berlaku dalam kalangan remaja, tetapi turut memperlihatkan perjalanan manusia yang mencari kekuatan untuk bangkit daripada trauma melalui kecerdasan emosi, regulasi emosi, dan kecerdasan spiritual. Cerpen ini dengan jelas menggambarkan proses pemulihan rohani dan pembentukan jati diri.

Kecerdasan emosi terserlah dalam watak utama, Kairul, yang berdepan dengan pelbagai tekanan emosi akibat penderaan yang berterusan sepertimana “gelap” yang dilaluinya di kawasan asrama. Kairul berasa terhina, ketakutan dan kehilangan harga diri. Namun dia mampu mengenal pasti emosinya dan tidak terus tenggelam dalam kemurungan. Dia mula sedar bahawa tekanan yang dialami tidak boleh dibiarkan memusnahkan masa depannya. Kesedaran ini menunjukkan keupayaan Kairul untuk mengawasi emosi sendiri, iaitu satu komponen penting dalam kecerdasan emosi.

Selari itu, regulasi emosi, iaitu keupayaan untuk mengurus dan mengawal emosi, turut memainkan peranan penting. Dalam menghadapi gangguan berterusan daripada Daniel, Kairul tidak bertindak balas dengan keganasan atau membala dendam. Sebaliknya, dia memilih untuk memproses emosinya melalui saluran yang lebih sihat, iaitu dengan berdoa dan bertekad untuk membuktikan keupayaannya. Dalam satu adegan penting, Kairul memilih untuk melaporkan penderaan tersebut kepada guru warden bukan kerana marah, tetapi kerana sedar bahawa membiarkan keadaan berlarutan hanya akan memburukkan lagi keadaan dirinya dan pelajar lain. Ini menunjukkan regulasi emosi yang baik, Kairul tidak bertindak terburu-buru mengikut dorongan emosi negatif, sebaliknya membuat keputusan berdasarkan pertimbangan yang rasional.

Cerpen ini juga memperlihatkan kecerdasan spiritual sebagai teras kekuatan dalam Kairul. Dalam saat-saat getir, dia mula mendekatkan diri kepada Tuhan, mencari makna di sebalik ujian yang menimpa dirinya. Kecerdasan spiritual yang ditampilkan bukan sahaja memberi harapan kepada Kairul, tetapi turut menyedarkan pembaca tentang pentingnya hubungan dengan Tuhan dalam proses pemulihan emosi dan pembentukan kekuatan dalaman.

Perjalanan Kairul dalam cerpen ini bukanlah semata-mata kisah tentang penderaan, tetapi ia tentang keberanian untuk memaafkan, bangkit dan menjadi lebih kuat. Kairul tidak menyimpan dendam terhadap Daniel, sebaliknya menunjukkan empati apabila mengetahui

latar belakang Daniel yang bermasalah. Inilah bukti kematangan emosi dan spiritual yang dicapai Kairul setelah melalui pelbagai cabaran.

Cerpen “Bayang-bayang Asrama” oleh Zul Iskandar Mohd Tahir secara tersirat dan tersurat menampilkan komunikasi sebagai unsur yang membentuk naratif, perkembangan watak, serta penyelesaian konflik. Pada permulaan cerita, komunikasi yang terhad, terutama dari sudut verbal dan sosial yang menjadi perlambangan kepada emosi Kairul yang pendiam, tertutup, dan diliputi rasa tidak selamat. Ia satu bentuk komunikasi pasif yang mencerminkan rasa takut dan tidak berdaya. Ketidakupayaan untuk menyuarakan penderitaan secara lisan merupakan gambaran jelas bagaimana trauma boleh mematikan saluran komunikasi yang sepatutnya menjadi medium pembelaan diri.

Namun, titik perubahan penting berlaku apabila warden asrama, Meshant, memainkan peranan sebagai penyampai komunikasi berkesan yang berteraskan empati, sokongan dan dorongan moral. Ungkapan seperti “kamu kena berani, kena yakin” adalah komunikasi afirmatif yang memberi Kairul ruang untuk mengubah ketakutan kepada keyakinan. Interaksi antara Meshant dan Kairul menggambarkan betapa komunikasi interpersonal yang berkesan mampu memulihkan semangat seseorang yang tertekan secara emosi dan spiritual. Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi bukan sekadar pemindahan maklumat, tetapi merupakan saluran penyembuhan dan pemerkasaan emosi.

Cerpen ini turut menekankan kepentingan komunikasi formal sebagai mekanisme institusi dalam menangani isu buli. Perjumpaan antara pihak sekolah dan ibu bapa menggambarkan bagaimana komunikasi rasmi menjadi medan dan ruang penting dalam mencapai penyelesaian. Ketegasan pengetua yang menyuarakan pendirian sekolah terhadap buli memberikan gambaran bahawa komunikasi juga berperanan dalam mengawal tingkah laku dan menetapkan sempadan moral dalam sesebuah komuniti. Setelah insiden buli berakhir dan Daniel dibuang sekolah, pembinaan semula hubungan sosial melalui komunikasi antara Kairul dengan rakan-rakan asrama menandakan pemulihan emosi dan perkembangan sosial yang positif. Kairul mula berinteraksi, bergaul dan bersosial secara lebih terbuka. Perubahan ini merupakan refleksi kepada pemulihan komunikasi interpersonal yang sebelumnya terganggu akibat trauma.

Cerpen ini turut menampilkan komunikasi intrapersonal yang kuat apabila Kairul melakukan renungan terhadap perjalanan hidup dan pengalamannya. Monolog batin yang mencerminkan pemikiran, penyesalan, kesyukuran dan pengharapan menunjukkan dimensi komunikasi spiritual dalam diri. Komunikasi dalaman ini menjadi wadah kepada pembangunan nilai-nilai seperti keberanian, kesedaran diri dan pengampunan. Kesemua ini merupakan ciri kecerdasan emosi dan spiritual yang berkembang melalui pengalaman pahit yang pernah dialami.

Cerpen “Bayang-bayang Asrama” membuktikan bahawa komunikasi dalam pelbagai bentuk berfungsi sebagai wahana perkembangan peribadi, pemulihan trauma, serta penyelesaian konflik. Komunikasi bukan sahaja menggerakkan jalan cerita, malah menjadi asas kepada transformasi watak dan naratif kerohanian dalam karya ini.

Jadual 5: Analisis cerpen “Kelong”

Struktur Cerpen	Fokus Naratif	Analisis Kandungan Cerpen
Tema	Kesabaran dalam mencari rezeki.	Ada nada kecerdasan spiritual apabila bersangka baik penuh pengharapan dalam mendapatkan rezeki walaupun hampir gagal.

Watak	Kang Mahad.	Kecerdasan emosi pada Kang Mahad sebagai nelayan dan sahabat yang empati terhadap keperluan Arbain dan isterinya.
	Arbain.	Kecerdasan emosi pada Arbain dengan mengharapkan Kang Mahad mendapatkan udang galah buat isterinya yang sedang hamil. Ada dampak kasih sayang Arbain sebagai suami.
Konflik	Kang Mahad dan mencari "lubuk" yang mempunyai hasil laut yang banyak.	Kecerdasan emosi Kang Mahad tentang "penyerahan" dan makna bersyukur.
Perlambangan	Kelong.	Regulasi emosi Kang Mahad yang sabar dan tabah berhadapan dengan cabaran rezeki di laut.

Dalam cerpen "Kelong", Nurnafisa Irdina Zulnizam menampilkan watak Kang Mahad yang pikun namun masih ke laut untuk mendapatkan rezeki sebagai nelayan. Penampilan Kang Mahad yang "sudah lanjut usia", "sebatang kara", "tangan kasar", "tenaga tua", antara lain memberikan dampak emosi yang lirih dan melankolik. Dalam kekangan fizikal sebegitu, kegigihan serta keyakinan Kang Mahad diperlihatkan untuk mendapatkan jenggo atau udang galah.

Elemen intrapersonal amat ketara dalam monolog dan renungan Kang Mahad. Ia memperlihatkan konflik dalaman, harapan, kerisauan, dan imannya terhadap takdir Tuhan. Sebagai contoh: "Air sedang pasang ni. Aku hanya perlu bertahan sedikit sahaja lagi." Monolog dalaman ini menunjukkan ketabahan seorang nelayan tua yang masih bergantung harap kepada rahmat alam dan Tuhan. Ia menjadikan cerpen ini lebih mendalam dari sisi psikologi,

Perbanyakkan beristighfar kepada Allah SWT adalah antara wadah penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَزِمَ الْاسْتِغْفَارَ، جَعَلَ اللَّهُ لَهُ مِنْ كُلِّ ضِيقٍ مَحْرَجاً، وَمِنْ كُلِّ هَمٍ فَرْجًا، وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَخْتَسِبُ

Maksudnya: "Barangsiapa yang sentiasa melazimi istighfar, Allah SWT menjadikan baginya setiap kesempitan itu jalan keluar, setiap keluh kesah itu kelapangan dan Allah juga mengurniakan kepadanya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka".

Riwayat Abu Daud (1518), Ibn Majah (3819), Ahmad (1/248), al-Tabarani dalam al-Ausat (6/240) dan al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra (3/351)

Dalam kesulitan Kang Mahad untuk mendapat hasil laut, kecerdasan spiritualnya diperagakan dengan kaedah memohon doa di samping melakukan introspeksi diri. Ikhtiar dan penyerahan menerusi lafadz istighfar yang dinyatakan dalam hadis berkenaan, adalah satu bentuk muhasabah atau pembakaian diri.

Pengertian "rezeki" juga ditanggap penulis bukan hanya dalam materi seperti udang, Kang Mahad turut dianugerahkan Allah rezeki untuk memahami kehendak Arbain dan isterinya. Empati Kang Mahad menjuarai tenaga tua yang masih ada. Interaksi antara mereka memperlihatkan komunikasi interpersonal saling menghormati, meskipun berlainan latar budaya. Perbualan mereka bukan sahaja berbentuk maklumat tetapi juga menyampaikan empati, humor dan pengharapan. Misalnya, "Nanti kalau Kang dapat lebih, tolaklah pada saya. Orang rumah saya mengidam udang galah." Hubungan ini menunjukkan keakraban serta nilai

kemasyarakatan yang tinggi dalam komuniti kampung, iaitu saling membantu dan berkongsi rezeki.

Cerpen “Kelong” memperlihatkan kekuatan komunikasi dalam aneka bentuk, sama ada pertuturan biasa, bahasa tubuh, hubungan sosial, monolog dan perlambangan yang sarat makna. Penulis menampilkan komunikasi bukan hanya sebagai alat penyampaian cerita, tetapi sebagai wadah penzahiran kehidupan dan falsafah seorang manusia yang berserah kepada ketentuan alam dan Tuhan.

Jadual 6: Analisis cerpen “Inspirasi”

Struktur Cerpen	Fokus Naratif	Analisis Kandungan Cerpen
Tema	Semangat untuk bangkit selepas kegagalan.	Karya ini membawa gagasan mendalam tentang ketahanan emosi dan spiritual manusia ketika berhadapan dengan konflik dalaman dan sosial.
Watak	Zaquan.  Ibu Zaquan.	Zaquan, mantan jurutera yang berbakat dalam bidang kulinari dengan tekanan emosi selepas kejatuhan dalam kerjaya.  Empati yang kuat dalam menzahirkan rasa kasih dan bimbang terhadap masa depan anaknya.
Konflik	Zaquan mengalami tekanan perasaan akibat dikhianati dan diberhentikan kerja.  Zaquan menghadapi stigma masyarakat dalam isu gender dan kerjaya.	Trauma Zaquan akan masa silam, rasa tidak diterima dan tekanan masyarakat.  Regulasi emosi Zaquan secara sihat melalui kreativiti, untuk pembentukan jiwa yang lebih kuat.
Perlambangan	Kura-kura	Kura-kura mewakili emosi yang stabil.

Cerpen “Inspirasi” menyorot kisah Zaquan, mantan jurutera yang mengalami kejatuhan dalam kehidupan akibat pengkhianatan dan tekanan kerjaya. Zaquan mengalami rasa malu, kecewa, dan tidak berguna. Semua emosi itu mencerminkan tekanan jiwa yang dialaminya. Zaquan bangkit semula melalui penerokaan potensi diri dalam bidang kulinari. Karya ini membawa gagasan mendalam tentang ketahanan emosi dan spiritual manusia ketika berhadapan dengan konflik dalaman dan sosial. Melalui penceritaan yang berlapis, pengarang menggambarkan perkembangan watak utama secara beransur-ansur dari seorang individu yang terperangkap dalam kemurungan kepada insan yang mengenal erti kehidupan. Ia memperlihatkan aplikasi kecerdasan emosi, regulasi emosi, serta kecerdasan spiritual secara holistik.

Reaksi awal Zaquan yang bersifat mengasingkan diri dan mengalami gangguan emosi mencerminkan simptom kemurungan dalam situasi tekanan melampau. Namun, Zaquan menunjukkan keupayaan untuk memproses emosinya secara berperingkat, satu ciri utama dalam kecerdasan emosi seperti yang dinyatakan oleh Goleman (1995), iaitu keupayaan untuk mengenali, memahami dan mengawal emosi diri sendiri. Zaquan tidak bertindak secara impulsif, sebaliknya memilih untuk memulihkan diri melalui renungan dalaman dan pengasingan sementara. Pernyataan bahawa ilham dan kekuatan sebenar wujud dalam diri sendiri, bukan dari luar, menzahirkan unsur *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa).

Elemen regulasi emosi dapat dikesan dalam cara Zaquan mengurus tekanan dan perlahan-lahan membina semula identiti dirinya melalui aktiviti memasak. Dorongan ibu memainkan peranan penting dalam men emosi Zaquan. Kajian psikologi perkembangan

menyatakan bahawa individu yang mempunyai sistem sokongan sosial yang kukuh cenderung untuk pulih lebih cepat daripada trauma psikologi (Gross & Thompson, 2007). Sokongan ibu bukan sahaja bersifat fizikal, tetapi juga memberikan afirmasi terhadap minat dan potensi Zaquan, sekali gus mengaktifkan mekanisme daya tindak (*coping mechanism*) yang positif.

Peralihan Zaquan ke dunia masakan dan membuka kafe menandakan peringkat transisi kepada pemulihan dan penemuan makna baharu dalam hidup. Kecerdasan spiritual mula menonjol apabila dinyatakan usaha dan cabaran hidup dengan nilai ketuhanan dan ketentuan takdir. Ini selari dengan konsep kecerdasan spiritual yang diperkenalkan Zohar dan Marshall (2000), yang menekankan mencari makna hidup, nilai, dan hubungan dengan Yang Maha Pencipta sebagai asas kekuatan rohani manusia. Zaquan dilihat menjadikan doa, refleksi diri dan penghayatan terhadap peristiwa sehari-hari sebagai cara untuk memperkuuh jati diri dan motivasi dalaman.

Cerpen ini mengangkat hubungan antara ibu dan anak sebagai teras pemulihan emosi dan spiritual. Figura ibu dalam cerpen ini bukan sekadar penyokong, tetapi menjadi pemangkin utama kepada pembentukan semula harga diri dan keyakinan Zaquan. Hubungan ini memperkuuh gagasan bahawa kesejahteraan emosi dan spiritual tidak berkembang dalam vakum, sebaliknya terbina dalam ekosistem sosial dan kekeluargaan yang menyokong. Nilai kasih sayang, dorongan moral dan penerimaan tanpa syarat menjadi ramuan penting dalam proses penemuan kendiri watak utama.

Komunikasi interpersonal antara Zaquan dengan ibunya menjadi sumber kekuatan utama ketika Zaquan berada dalam keadaan lemah dan kecewa. Sementara komunikasi intrapersonal Zaquan ketika berbicara dengan dirinya sendiri untuk memahami dan menenangkan jiwa yang sedang terluka. Ia melambangkan kekacauan batin dan refleksi kendiri yang akhirnya membawa kepada kesedaran dan keazaman untuk bangkit semula. Komunikasi intrapersonal membina perkembangan emosi watak utama dan memainkan peranan penting dalam perubahan sikap serta kekuatan dalaman yang dimilikinya.

Seterusnya, komunikasi verbal dalam cerpen ini dizahirkan melalui dialog antara watak serta penulisan Zaquan dalam buku masakannya. Penulisan resepi Zaquan merupakan komunikasi bukan verbal yang menyimpan ilmu, inspirasi dan memori yang akhirnya menjadi asas kejayaan. Komunikasi jenis ini amat penting dalam menyampaikan perutusan secara langsung kepada pembaca dan antara watak dalam cerita.

Komunikasi simbolik memainkan peranan penting dalam cerpen “Inspirasi”. Kura-kura yang ditemui Zaquan menjadi lambang perjuangan dan ketabahan. Zaquan melihat dirinya pada haiwan itu, dengan sifat tenang, unik dan tetap berusaha. Interaksi antara Zaquan dengan kura-kura mencerminkan komunikasi rohani yang mendalam. Ia juga mencetuskan inspirasi kepada Zaquan untuk bangkit semula, menggambarkan bagaimana manusia boleh mengambil pelajaran daripada sekitaran. Lambang jiwa yang tenang (*nafsu mutma’innah*) yang tidak tergesa-gesa, yang menyendiri dalam damai. Ketenangan rohani (*sakinah*) apabila Zaquan redha dengan siapa dirinya.

Kesimpulannya, cerpen “Inspirasi” menyampaikan pelbagai bentuk komunikasi yang saling melengkapi untuk menyampaikan tema cerita. Komunikasi interpersonal menggambarkan pentingnya sokongan sosial. Sementara komunikasi intrapersonal menunjukkan proses refleksi dan kekuatan diri. Di pihak lain komunikasi verbal dan nonverbal menyampaikan maklumat dan emosi dengan berkesan. Komunikasi simbolik pula menambah nilai estetika naratif. Semua jenis komunikasi ini menjadikan cerpen lebih emotif, malah sangat menginspirasikan.

## KESIMPULAN

Karya sastera sering menjadi wadah komunikasi bagi menggambarkan kesaksamaan hubungan antara kecerdasan emosi dengan kecerdasan spiritual manusia. Nilai-nilai rohani dan kenyamanan jiwa membantu watak-watak mengharungi cabaran hidup dengan tenang, sekaligus memberi dukungan dan dorongan kepada pembaca tentang pentingnya mengimbangi emosi dengan kebijaksanaan spiritual.

Lima cerpen kajian ini menjadi wadah untuk penulis remaja membentangkan pertelingkahan watak, dengan mencipta gerak plot, latar dan dialog yang menyembuhkan getar emosi mereka. Ia turut membantu penulis secara tidak langsung memahami mengurus emosi dan kehidupan dengan lebih mendalam. Berdasarkan gubahan cerpen, rata-rata penulis memenuhi tujuh dimensi kecerdasan emosi dan spiritual dalam mengangkat tema yang melibatkan diri dengan kesedaran diri, regulasi/pengurusan emosi, motivasi diri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan. Karya yang dihasilkan memperlihatkan bagaimana watak-watak menghadapi cabaran dengan penuh kebijakan dan rasa tanggungjawab. Rata-rata kecerdasan spiritual mereka membantu dalam mengawal emosi dan kaedah mereka membuat keputusan dengan cermat.

Analisis kandungan cerpen berdasarkan kecerdasan emosi, regulasi emosi, dan kecerdasan spiritual membuka ruang penyelidikan sastera yang bersifat interdisiplin, antara psikologi, penulisan kreatif dengan lapangan komunikasi. Kaedah kuantitatif membolehkan penyelidik mengukur corak emosi, manakala pendekatan kualitatif menelusuri makna mendalam yang tidak dapat dihitung dengan angka. Gabungan kedua-duanya boleh menyokong pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap naratif remaja dan bagaimana mereka menyuarakan emosi dan nilai kehidupan melalui karya sastera.

## PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang membiayai penyelidikan ini di bawah Geran Kecil Penyelidikan SK 2024 017.

## BIODATA

*Maizatul Haizan Mahbob* (Dr.) merupakan pensyarah di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah komunikasi keorganisasian dan komunikasi politik. Beliau merupakan ahli Persatuan Pendidik Komunikasi Malaysia (MACE). Email: maiz@ukm.edu.my

*Mawar Safei* (Prof. Madya Dr.) merupakan pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA Melayu), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah penulisan kreatif dan kesusastraan bandingan. Beliau merupakan penerima Anugerah Akademik Negara dan Anugerah Southeast Asia (SEA) Write. Email: mawar.safei@ukm.edu.my

*Suzana Mohd. Hoesni* (Dr.) merupakan pensyarah di Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PSITRA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah psikologi perkembangan. Pada masa ini, beliau terlibat dalam penyelidikan berkaitan kesukaran regulasi emosi dalam kalangan remaja Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS) tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi. Email: smh@ukm.edu.my

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim & Terjemahan. (2020). Surah ar Rum: 409.
- Bal, P. M., & Veltkamp, M. (2013). How does fiction reading influence empathy? An experimental investigation on the role of emotional transportation. *Plos One*, 8(1): e55341. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0055341>
- Djikic, M., Oatley, K., Zoeterman, S., & Peterson, J. (2009). On being moved by art: How reading fiction transforms the self. *Creativity Research Journal*, 21(1), 24–9.
- Fiore, B. (2023, November 2). Emotional intelligence: A key benefit of reading. *Worldreader*. <https://www.worldreader.org/now/emotional-intelligence-reading-benefit/>
- Gerrig, R. J., & Rapp, D. N. (2004). Psychological processes underlying literary impact. *Poetics Today*, 25(2), 265–81.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York, NY: Bantam Books.
- Gross, J. J., & Thompson, R. A. (2007). Emotion regulation: Conceptual foundations. In J. J. Gross (Ed.), *Handbook of emotion regulation* (pp. 3–24). New York, NY: Guilford Press.
- Inklings. (2018, September 4). How creative writing will help your child build emotional literacy. *Society of Young Inklings*. <https://www.younginklings.org/how-creative-writing-will-help-your-child-build-emotional-literacy/>
- Kaisah Nabilah Yusni. (2024, Julai). Tangisan burung dari syurga. *Dewan Siswa*, 46-49.
- Maliki, J., Mohamad Tuah, K., Taibi, M., Govindaraju, V., & Ali Osman, N. S. (2024). Self-expression and mental wellbeing of Malaysian youths on social media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 40(3), 397–416. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2024-4003-18>
- Mirjalili, S. M. A. (2024). Content analysis of emotional intelligence components in Farsi textbook stories using Shannon's entropy approach. *Iranian Journal of Educational Sociology*, 7(3), 141–148. <https://doi.org/10.61838/kman.ijes.7.3.17>
- Mohd, F. H., Nik Muhamad Affendi, N. R., Husin, F., Sarudin, A., & Mohd Rusli, N. F. (2023). Adab berkomunikasi secara berkesan dalam cerpen kanak-kanak pilihan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 514–533. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-29>
- Muhd Aiman Othman. (2024, Jun). Nusa selandia baru. *Dewan Siswa*, 46-49.
- Muhammad Fahmi Rusli. (2019, April 10). Al-Kafi #1203: Mengapakah didahului berbuat baik kepada ibu sebanyak tiga kali. Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3281-al-kafi-1203-mengapakah-didahului-berbuat-baik-kepada-ibu-sebanyak-tiga-kali>
- Nugraha, V., & Sahmini, M. (2021). Pembelajaran menulis cerpen dengan Emotional Spiritual Therapy (EST) berbasis TPACK. Seminar Internasional Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia.
- Neuendorf, K. A. (2016). *The content analysis guidebook* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications. <https://doi.org/10.4135/9781071802878>
- Noriah Mohd Ishak, Zuria Mahmud, & Siti Rahayah Ariffin. (2004). Kecerdasan emosi di kalangan pekerja di Malaysia (Laporan teknikal). *Prosiding Seminar Kebangsaan Psikologi dalam Masyarakat*, 4–5 Oktober 2004, Bangi, Malaysia.
- Nurnafisa Irdina Zulnizam. (2024, September). Kelong. *Dewan Siswa*, 46-49.
- Nur Izzati Adha Muhammad Hashim. (2024, Oktober). Inspirasi. *Dewan Siswa*, 46-49.

- Siti Dahlia Abdullah, Mawar Safei, & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Daun sebagai wahana komunikasi dalam kesusasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 157-175. <https://doi.org/ps9g>
- Tee, E. Y. (2024). Enhancing emotional intelligence with the positive humanities: A narrative review and proposal for well-being interventions. *Emotion Review*, 16(3), 162–179. <https://doi.org/10.1177/17540739241259564>
- Umriati, Martono, & Wartiningsih, A. (2015). Kecerdasan spiritual dalam Novel Alif karya Taufiqurrahman Al-Azizy. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 4(12).
- Vaughan, F. (2002). What is spiritual intelligence? *Journal of Humanistic Psychology*, 42(2), 16–33. <https://doi.org/10.1177/0022167802422003>
- Zohar, D., & Marshall, I. (2000). *SQ: Connecting with our spiritual intelligence*. London: Bloomsbury Publishing.
- Zul Iskandar Mohd Tahir. (2024, Ogos). Bayang-bayang Asrama. *Dewan Siswa*, 46-49.